

Perhimpunan keluarga eratkan hubungan silaturahmi



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Dato Laila Utama Haji Ibrahim; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan Leftenan Kolonel (B) Dato Setia Haji Mohd. Samid bin Haji Abd. Aziz antara yang hadir pada Majlis Perhimpunan Keluarga Laut Brunei Darussalam dan Malaysia Kali Ke-3 Tahun 2017 (kiri). Sementara gambar kanan, antara generasi waris dan keturunan keluarga Awang Haji Laut bin Saring.

Berita dan Foto : Ihsan Faridah Ibrahim

JERUDONG. Isnin, 11 Disember - Majlis Perhimpunan Keluarga Laut Brunei Darussalam dan Malaysia Kali Ke-3 Tahun 2017, telah diadakan julung kalinya di negara ini dengan dihadiri seramai 400 generasi, waris-waris dan keturunan Keluarga Laut, iaitu Awang Haji Laut bin Saring pada Majlis Perhimpunan yang diadakan di Parkview Hotel, di sini.

Turut hadir, Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Dato Laila Utama Haji Ibrahim; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan Leftenan Kolonel (B) Dato Setia Haji Mohd. Samid bin Haji Abd. Aziz.

Majlis yang diadakan pada 9 Disember 2017 turut diisikan dengan persembahan nyanyian

daripada Keluarga Laut Negara Brunei Darussalam dan diteruskan dengan ucapan dan ristaan wakil daripada Keluarga Laut Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Mohd. Rais bin Haji Ishak diikuti dengan ucapan wakil daripada Keluarga Laut dari Kota Kinabalu, Sabah, Datin Rohaya binti Fauzy.

Menerusi majlis perhimpunan itu, keluarga berkenaan berasa gembira dan terharu dan ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturahmi dalam kalangan keluarga tersebut.

Awang Haji Salleh bin Mohd.

Haji Ismail semasa ditemu bual melahirkan perasaan gembira dan terharu dan pertama kali berhimpun dengan Keluarga Laut, jelasnya, yang jauh didekati lagi agar di masa yang akan datang majlis perhimpunan Keluarga Laut itu akan terus diadakan supaya ia tidak pupus.

Sementara, Dayang Sabariah binti Ismail Yunus semasa ditemu berkata, beliau adalah daripada Keluarga Laut menerusi generasi Wali anak kepada Haji Laut.

Beliau juga berasa gembira

dan terharu serta tidak menyangka bahawa generasi waris-waris Keluarga Laut itu merupakan keluarga yang besar.

Juga ditemu bual salah seorang Keluarga Laut dari Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia, Dayang Salbiah binti Ismail dan salah seorang ahli Keluarga Laut di negara ini, Dayang Hajah Aishah binti Haji Sahari, 76, berasal dari Sandakan, Keluarga Laut di Malaysia, masing-masing melahirkan perasaan gembira dengan adanya majlis perhimpunan tersebut.



Dari muka 1

sesuai untuk menguatkan motivasi pelajar dalam belajar, serta membantu mereka dalam menguasai kemahiran bahasa yang

TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, berucap merasmikan Multaqa Pendidikan Bahasa Arab di peringkat Universiti di Negara Brunei Darussalam.

Jumlah pelajar bahasa Arab meningkat

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Universiti Islam Sultan Sharif Ali

diperlukan," jelas Timbalan Menteri Pendidikan.

Multaqa yang dianjurkan oleh UNISSA menerusi Fakulti Bahasa Arab (FBA) dengan kerjasama Pertubuhan Islam Dalam Bidang Pendidikan, Sains dan Kebudayaan (ISESCO) dan Penerbitan Granada dan khidmat pendidikan itu membawa tajuk 'Mengaplikasi Pendekatan Sistem Pendidikan Moden Dan Penggunaan Teknologi Pengajaran : Ke Arah Peningkatan Holistik Dalam Pengajaran Bahasa Arab Bagi Bukan Penuturnya' yang diadakan selama tiga hari bermula hari ini sehingga 13 Disember 2017.

Seramai 41 orang terdiri

daripada tenaga-tenaga akademik dari Fakulti Bahasa Arab UNISSA, Pusat Bahasa Universiti Brunei Darussalam (UBD), Pusat Bahasa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan serta pegawai-pegawai Jabatan Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama serta para guru dari Sekolah-sekolah Arab di negara ini menyertai Multaqa tersebut.

Hasil multaqa ini akan dapat menyumbang kepada

keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di negara ini.

Antara objektif utama penganjurannya ialah bagi meningkatkan kualiti pensyarah-pensyarah bahasa Arab di Negara Brunei Darussalam dalam bidang kemahiran pendidikan dan pengajaran.

Antara skop yang dikaji adalah isu pendidikan dan kurikulum yang dihadapi oleh para pensyarah bahasa Arab di Negara Brunei Darussalam dan cara mengatasinya.

Pastikan bilangan plat kenderaan tidak pudar

Siaran Akhbar :
Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Disember. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Perhubungan mengingatkan orang ramai bahawa memandu kenderaan dengan abjad dan nombor yang pudar pada plat bilangan pendaftaran, adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Lalu Lintas Jalan Raya (Penggala 68), Peraturan-Peraturan Jalan Raya (Tanda Pengenalan), 2008 (S 73 / 2008).

Sehubungan itu, orang ramai yang mendapati abjad dan nombor pada plat bilangan pendaftaran kenderaan mereka yang telah pudar, adalah disarankan supaya akan merujuk kembali kepada bengkel-bengkel atau syarikat-syarikat pembekal plat bilangan pendaftaran atau wakil agen-agen syarikat pengedar kenderaan berkenaan di mana orang ramai membeli dan memasang plat bilangan pendaftaran mereka.

Ini adalah untuk memastikan plat bilangan pendaftaran kenderaan berkenaan akan dapat diganti atau diperbaiki supaya plat bilangan pendaftaran berkenaan mengikut peraturan-peraturan yang dinyatakan di atas dan bagi mengelakkan sebarang tindakan undang-undang diambil oleh agensi-agensi penguatkuasaan.

Pemilik bengkel-bengkel atau syarikat-syarikat pembekal plat bilangan pendaftaran atau agen-agen pengedar kenderaan adalah diingatkan supaya lebih bersikap bertanggungjawab, dan memastikan plat bilangan pendaftaran kenderaan yang dipasang pada kenderaan awam, adalah menggunakan bahan-bahan yang berkualiti tinggi dengan pemasangan yang betul serta intensiti warna putih abjad dan nombor pada plat bilangan pendaftaran tersebut kekal dan tahan lama serta tidak mudah pudar.



ANTARA para jemputan yang hadir pada Majlis Perasmian Multaqa Pendidikan Bahasa Arab, yang berlangsung di UNISSA.